

Indeks Pembangunan Manusia

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pembangunan ekonomi adalah penting untuk pembangunan manusia. Namun perlu diingat bahawa pembangunan manusia bukan segala-galanya terletak kepada pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi merupakan syarat perlu untuk pembangunan manusia tetapi belum mencukupi. Contohnya jika dibandingkan antara negara-negara di dunia, terdapat negara yang lebih maju jika diukur dari petunjuk ekonomi, tetapi mempunyai tahap pembangunan manusia yang rendah. Dan jika dilihat di dalam sesebuah ekonomi, pertumbuhan ekonomi juga tidak menjamin pengagihan kekayaan yang sama rata. Terdapat golongan miskin yang tidak merasai nikmat pembangunan negara setimpal dengan golongan yang lebih berada.

Segala persoalan berkaitan dengan hubung kait di antara pembangunan ekonomi dan pembangunan manusia akan terungkai jika kita lihat kembali terhadap objektif-objektif asas untuk kedua-duanya. Objektif asas pembangunan ekonomi adalah berkisar kepada pengagihan sumber yang efisien untuk memaksimumkan pertumbuhan ekonomi. Manakala, pembangunan manusia pula secara asasnya adalah untuk mengoptimumkan kesejahteraan individu.

Berdasarkan premis tersebut, maka sudah tentu tiada individu yang akan menafikan bahawa pembangunan manusia merupakan objektif mutlak. Semenjak dari awal ketamadunan manusia, kesejahteraan individu merupakan daya penggerak kepada segala aktiviti. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti ekonomi, terutamanya bekerja. Seseorang individu bekerja untuk memastikan kelangsungan kesejahteraannya dan tanggungannya, tanpa mengindahkan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Dari situ terbentuklah satu masyarakat yang masih berpegang kepada premis tersebut. Sesebuah masyarakat akan memastikan ahli-ahlinya mendapatkan keperluan asas

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kehidupan seperti makan, minum, perlindungan, keselamatan, kesihatan dan seumpamanya. Sekiranya masyarakat tersebut telah mempunyai keupayaan ekonomi yang tinggi dan segala keperluan asas mereka telah dipenuhi, mereka akan menumpukan pula kepada keperluan bukan asas yang akan meningkatkan kesejahteraan mereka. Tingkah laku individu dan seterusnya masyarakat ini akan mendefinisikan sebuah negara.

Justeru, secara umumnya bolehlah dirumuskan bahawa pembangunan ekonomi cuma merupakan kaedah, dan mungkin salah satu dari kaedah, untuk mencapai objektif asas untuk memperoleh kesejahteraan individu. Jika diletak di dalam konteks sebuah negara, pembangunan ekonomi seharusnya dinikmati oleh setiap anggota rakyat melalui peningkatan kesejahteraan hidup. Dari sini apa yang perlu untuk merungkaikan persoalan hubung kait pembangunan ekonomi dan pembangunan manusia adalah dengan memilih definisi dan pengukur yang sesuai untuk kedua-duanya.

Rata-rata ramai yang bertanggapan bahawa pembangunan ekonomi berkait secara langsung dengan kesejahteraan rakyat. Dengan kata lain, petunjuk-petunjuk ekonomi seperti keluaran dalam negara kasar (KDNK), KDNK per kapita (KDNK dibahagikan dengan jumlah penduduk) dan sebagainya mampu menerangkan tentang kesejahteraan rakyat jelata. Tanggapan tersebut tidaklah salah, tetapi kurang tepat kerana terdapat lagi faktor-faktor lain yang perlu dilihat. Pada tahap terbaik, pembangunan ekonomi bolehlah dianggap sebagai anggaran kepada peningkatan kesejahteraan rakyat jelata secara umum.

Berhubungan dengan ini, Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations Development Programme* – UNDP) telah membina satu kaedah untuk mengukur pembangunan manusia melalui indeks pembangunan manusia (*human development index* - HDI). Indeks ini bukan sahaja mampu untuk melengkapkan pengukur-pengukur ekonomi untuk menerangkan tentang pembangunan sesebuah negara secara lebih menyeluruh, malahan ianya juga mampu menzahirkan kepincangan dasar-dasar pembangunan ekonomi yang sedia ada.

HDI merupakan satu indeks komposit yang merangkumi tiga dimensi pembangunan manusia, iaitu (1) untuk menjalani kehidupan yang lama dan sihat, (2) keupayaan untuk

belajar, dan (3) keupayaan untuk mencapai taraf hidup yang memuaskan. Dimensi pertama diukur melalui “jangka hayat semasa lahir”. Keupayaan untuk belajar pula diukur melalui “purata jumlah tahun bersekolah rakyat jelata” dan “jangkaan tahun bersekolah”. Manakala untuk dimensi ketiga, ianya diukur dengan pendapatan kasar negara (*gross national income* _ GNI) per kapita. Ini bermakna cuma dimensi ketiga daripada tiga dimensi yang menyumbang kepada HDI berkait secara langsung dengan faktor ekonomi.

Mengikut Laporan Pembangunan Manusia (*Human Development Report*) 2015 yang dikeluarkan oleh UNDP, Malaysia menduduki tempat ke 62 daripada 188 negara pada tahun 2014 mengikut HDI. Kedudukan ini meletakkan Malaysia di dalam kategori “pembangunan manusia tinggi” daripada empat kategori. Empat kategori tersebut adalah: “pembangunan manusia sangat tinggi”, “pembangunan manusia tinggi”, “pembangunan manusia sederhana” dan “pembangunan manusia rendah”. Kebanyakan negara-negara maju menduduki kategori “pembangunan manusia sangat tinggi”.

Kedudukan Malaysia merupakan yang ketiga terbaik di kalangan negara-negara ASEAN di belakang Singapura dan Brunei. Kedudukan ini juga meletakkan Malaysia lebih baik daripada beberapa ekonomi yang lebih besar seperti Turki, Mexico dan Brazil. Namun demikian, kedudukan HDI Malaysia untuk 2014 menurun sedikit daripada kedudukan untuk tahun 2013 yang berada di tangga ke 60.

Jika dilihat kepada arah aliran jangka panjang, purata kadar pertumbuhan tahunan untuk HDI semakin menurun untuk tempoh 1990-2014. Untuk tempoh 1990-2000, HDI tumbuh pada purata tahunan 1.21 peratus berbanding 0.62 peratus untuk tempoh 2000-2010 dan terus menurun kepada 0.32 peratus setahun untuk tempoh 2010-2014. Keadaan ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya untuk melonjakkan Malaysia memasuki kategori “pembangunan manusia sangat tinggi” setimpal dengan status negara berpendapatan tinggi yang di hambat menjelang 2020. Dalam pada itu, purata pertumbuhan tahunan HDI Malaysia untuk tempoh 2000-2010 dan 2010-2014 adalah di bawah purata dunia yang mencatatkan pertumbuhan pada kadar tahunan masing-masing 0.85 peratus dan 0.47 peratus.

Jika dilihat kepada setiap ukuran, “jangka hayat semasa lahir” menunjukkan rakyat Malaysia dijangka boleh hidup sehingga 74.7 tahun. Ini melambangkan tahap kemudahan penjagaan kesihatan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia. Walaupun jangka hayat ini melebihi purata dunia (71.5 tahun), ianya masih boleh diperbaiki setanding dengan negara-negara maju lain, seperti rakyat Singapura yang mempunyai “jangka hayat semasa lahir” selama 83 tahun.

Dari segi dimensi keupayaan untuk belajar, negara mencatatkan “purata jumlah tahun bersekolah rakyat jelata” sebanyak 12.7 tahun dan “jangkaan tahun bersekolah” selama 10.0 tahun. Pencapaian ini walaupun melebihi purata dunia yang mencatatkan masing-masing 12.2 tahun dan 7.9 tahun, tetapi jauh di bawah tahap purata negara-negara berpembangunan manusia sangat tinggi (16.4 tahun dan 11.8 tahun, masing-masing). Ini juga melambangkan bahawa keupayaan belajar rakyat Malaysia perlu ditingkatkan ke tahap setanding dengan negara-negara maju.

Untuk dimensi “keupayaan untuk mencapai taraf hidup yang memuaskan” yang berkait secara langsung dengan faktor ekonomi, Malaysia merekodkan pencapaian yang baik untuk 2014. Berdasarkan GNI per kapita, Malaysia menduduki tangga ke 48 dari 188 negara di dunia untuk tahun tersebut, dengan mencatatkan GNI per kapita \$22,762. Nilai tersebut adalah berdasarkan nilai internasional dolar 2011 yang di selaraskan berdasarkan pariti kuasa beli (PPP), bermakna perbandingan antara negara boleh dibuat dengan lebih bermakna.

GNI per kapita Malaysia untuk 2014 tersebut bukan sahaja mengatasi purata dunia yang merekodkan \$14,301 (2011 PPP \$), bahkan mengatasi purata untuk kategori “pembangunan manusia tinggi” yang mencatatkan purata \$13,961 (2011 PPP \$). Keadaan ini melambangkan bahawa pembangunan ekonomi Malaysia yang baik tetapi tidak selari dengan dua dimensi yang lain di dalam HDI. Secara kasarnya boleh dirumuskan bahawa pembangunan ekonomi tidak dapat di maksimumkan dari segi sumbangan terhadap kesejahteraan hidup keseluruhan rakyat.

Walaupun HDI merupakan satu ukuran yang kasar, namun ianya boleh dijadikan sandaran untuk pembaikan yang perlu di ambil. Yang lebih penting, pembinaan ukuran

UNDP ini mampu dibandingkan secara bermakna antara negara-negara. Justeru, kita mampu melihat di mana kedudukan Malaysia berbanding dengan negara-negara lain.